

# Dr Daing Nasir dilantik semula Naib Canselor UMP

Metro (Setengah)  
Rabu 3/4/13  
mrs 30

**Kuantan:** Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim (*gambar*) dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk tempoh dua tahun lagi berkuat kuasa 16 Mei depan.

Pelantikan semula Dr Daing Nasir, 58, yang menerajui universiti berkenaan sejak 16 Mei 2008 dibuat Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin.

Sebelum dilantik Naib Canselor UMP, beliau berkhidmat di Universiti Sains Malaysia (USM) dan diberi mandat memegang beberapa-



pa jawatan utama termasuk dekan selama 10 tahun di Fakulti Pengurusan dan Pengarah Pusat Pengurusan Termaju USM.

Dr Daing Nasir menerusi

kenyataannya berkata, dalam menerajui UMP, beliau sentiasa menggalakkan pentadbiran berdasarkan nilai, berfokuskan strategi dan mengutamakan prestasi, selain menekankan terhadap agenda memperkuahkan asas demi menjana kecemerlangan universiti.

“Saya yakin dengan perkembangan UMP dan kepercayaan diberikan dan berazam membawa UMP ke arah kecemerlangan selari dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Pelan Strategik UMP 2011-2015,” katanya.